

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL  
SINGH (BUKIT GELUGOR)**

**TARIKH : 26 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [ BUKIT GELUGOR ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bahawa setakat bulan Oktober, 2021, berapakah jumlah permohonan bagi kewarganegaraan kanak-kanak yang telah dibuat oleh ibu warganegara Malaysia kepada Jabatan Pendaftaran Negara dan daripada jumlah tersebut berapakah jumlah permohonan yang telah diluluskan dan ditolak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari tahun 2018 sehingga 11 Oktober 2021, sebanyak 2,352 permohonan yang dibuat oleh pemohon ibu bertaraf warganegara Malaysia dan sebanyak 21 permohonan telah dianugerahkan kewarganegaraan dan 31 permohonan telah ditolak.